Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# Menangani perubahan kepemimpinan politik

**BAGAIMANAKAH MENGHADAPI PERUBAHAN DALAM KEPEMIMPINAN POLITIK SESEBUAH NEGARA? SIAPAKAH YANG HARUS MENGENDALIKAN ATAU MENANGANI PROSES PERUBAHAN INI? APAKAH SYARAT-SYARAT YANG HARUS ADA PADA PIHAK YANG AKAN TERBABIT DALAM PROSES PERUBAHAN INI?**

**BAGI MEMPERINCI SOAL INI INSTITUT PENGURUSAN ASIA MENJEMPUT MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, UNTUK MEMBENTANGKAN PANDANGANNYA DALAM SATU SIDANG KHASNYA DI MANILA, FILIPINA, SELASA LALU.**

**DISIARKAN SEDUTAN DARIPADA UCAPANNYA ITU.**



ENCIK ANWAR IBRAHIM

**SEHARUSNYA perbincangan mengenai soal menangani perubahan kepemimpinan politik ini dimulakan bukan dengan memberi takrif mengenai kepemimpinan politik, pengurusan politik dan perubahan politik tetapi meneliti maknanya terlebih dahulu.**

Persoalan pertama yang harus diberi perhatian ialah apakah perubahan yang hendak diperkatakan? Kedua, mengapa perhatian besar harus diberikan kepada soal perubahan dalam kepemimpinan politik ini? Ketiga, siapakah yang patut mengurus atau menangani perubahan itu? Dan akhirnya, bagaimanakah perubahan itu harus dibuat?

Bagi soalan pertama, sudah pasti semua maklum bahawa yang dimaksudkan ialah perubahan di peringkat pucuk struktur pimpinan negara. Bagaimanapun harus diingat bahawa perubahan pucuk pimpinan bukanlah segala-galanya dalam proses perubahan kepemimpinan politik.

Selalunya, perubahan mikro di peringkat pucuk pimpinan adalah kecil berbanding perubahan pimpinan dalam ruang lingkup makro di peringkat bawahan. Malah, rejim yang *totalitar* pun tidak terdaya mengetepikan tuntutan barisan kadernya, sifat pengikut dan desakan naluri penyokong partinya.

Oleh kerana perubahan pucuk pimpinan sering membawa makna yang besar kepada kebanyakan orang, maka lebih banyak masa ditumpukan kepada pencarian jawapan "siapa akan mengambil alih daripada siapa". Bagaimanapun sayugia diingat ada juga dalam masyarakat tertentu perkara ini bukanlah begitu penting.

Hakikat bahawa mengamati soal warisan kepemimpinan ini sering menjadi perhatian utama membayangkan bahawa ada sebab-sebab lain yang mendorong kecenderungan ini — yang dalam beberapa keadaan mungkin menjadi satu penyakit kecendekiawanan. Pada dasarnya, kecenderungan ini mungkin didorong oleh kekaguman terhadap wawasan dan firasat seseorang pemimpin yang terbit daripada andalan bahawa seseorang atau beberapa orang pemimpin yang berhemah tinggi pasti membawa makna yang besar kepada masyarakat.

Bagaimanapun tidak semestinya setiap yang berbeza itu menunjukkan ada sesuatu yang berubah. Manakala pemimpin memikul tugas penting dalam membentuk kehidupan, mereka hanya boleh melakukannya dalam lingkungan pemikiran yang cacat ini. Sejarah bukan sahaja satu catatan kehidupan orang tertentu, (tidak kira betapa agung sekalipun dia) tetapi ia adalah juga mengenai gerakan yang kuat dan hakikat kehidupan yang boleh membuat seseorang merendah diri menjadi agung dan seseorang yang agung merendah diri.

Kemudian harus dibincangkan soal siapakah yang harus mengurus atau menangani perubahan kepemimpinan politik ini. Yang pastinya ialah "siapa" itu adalah mereka yang berkuasa atau mereka yang merasakan dirinya mempunyai kuasa. Ini adalah perkara menarik dibicarakan, tetapi berat.

Memutuskan hal ini lebih payah daripada menentukan siapa yang tidak patut menangani perubahan kepemimpinan politik. Seperti dalam kes-kes lain, tentulah tidak patut kuasa luar menanganinya kerana banyak sebab. Pertama, kerana soal kejujuran pihak luar itu yang boleh dipertikaikan. Kedua, hakikat pihak asing pasti akan kurang arif mengenai isu setempat. Ketiga, faktor ketidaksahihan atau soal betapa wajarnya campur tangan pihak asing ini.

## Pilihan bebas

Dalam politik, seperti dalam kehidupan sebenarnya, biar apa pun ukuran tahap amalan nilai baik dan keikhlasan, adalah agak sukar bagi sesiapa sahaja untuk bersikap objektif tanpa diwarnakan oleh kepentingan sendiri. Malah ini boleh dianggap mustahil. Campur tangan kuasa asing pasti bertujuan untuk meluaskan lagi kepentingannya daripada kepentingan negara berkenaan.

Pada dasarnya memang ada hujah kuat yang menyanggah pendapat ini — bahawasanya adalah tidak bijak mengandaikan bahawa anak tempatan yang mengurus masalah ini akan lebih bersikap objektif dan tidak mengutamakan kepentingan diri. Sejarah mempunyai banyak bukti bahawa campur tangan asing berjaya mencegah dan menghapuskan sikap atau tindakan anak watan yang mementingkan diri sendiri dalam proses perubahan kepemimpinan politik ini. Dalam hubungan ini mungkin benar anggapan bahawa dalam politik tidak ada siapa yang boleh merosakkan seseorang lebih buruk dan teruk daripada orang itu sendiri. Bagaimanapun haruslah diingat bahawa oleh kerana kebanyakan buku sejarah ditulis oleh cendekiawan dari negara yang terbabit secara cergas dalam pengurusan perubahan politik negara lain, sudah pasti hakikat ini tidak dapat menjamin keluhuran niat dan nilai baik kuasa asing. Sudah pasti mereka tidak boleh menjadi sumber pengetahuan, firasat dan hemah dalam perubahan politik sesebuah negara asing yang boleh diharapkan.

Hujah lain yang menentang campur tangan asing dalam perubahan politik sesebuah negara ini ialah hakikat bahawa sesuatu perubahan itu harus dilakukan dengan pengetahuan yang terperinci. Kita akui hakikat bahawa memang ada orang asing yang pintar dan anak watan yang tidak cerdik dalam soal menangani perubahan politik dalam negara mereka sendiri tetapi dalam hubungan ini, sudah pasti anak watan mempunyai kelebihan dan wibawa untuk menguruskannya.

Hujah ini diperkukuhkan oleh hakikat bahawa tiada masyarakat di dunia yang mahu orang lain menguruskan kepentingan mereka. Bagi manusia, tiada perkara yang lebih berharga daripada kebebasan. Justeru itu, bagi semua masyarakat, kebebasan memilih atau menentukan pemimpinnya sendiri adalah sesuatu yang harus dimiliki secara mutlak.

Lantaran itu, maka campur tangan asing ini harus diletakkan sebagai pilihan terakhir sekali. Lantas timbul pertanyaan siapakah yang akan menentukan bilakah keadaan memaksa penyertaan kuasa asing? Jawapannya tidak banyak berbeza daripada yang pernah berlaku dalam sejarah seperti yang ditulis oleh ahli sejarah Yunani, Thucydides, beberapa ribu tahun dulu. Beliau menyimpulkan (selepas mengkaji Perang Peloponnesian) bahawa "yang kuat akan melakukan menurut iradah (kehendak)nya manakala yang lemah mesti menyerah apa yang diperlukan."

Mungkin pandangan ini dangkal tetapi harus ditegaskan bahawa tiada cara lain yang lebih baik dalam menentukan perubahan kepemimpinan politik yang sihat, teratur, bernas dan berkesan daripada bersandarkan kedaulatan rakyat.

Di sini bukan dicadangkan supaya semua ketua kerajaan dan menteri semestinya dipilih menerusi proses pemilihan tunggal yang membabitkan keseluruhan pengundi sesebuah negara. Truman, Johnson dan Ford adalah contoh presiden Amerika Syarikat yang dilantik ke Rumah Putih tanpa pilihanraya presiden. Adalah diyakini bahawa perubahan pimpinan politik amat terjamin dan produktif jika ia mendapat sokongan majoriti rakyat secara sah mengikut undang-undang menerusi pilihan bebas rakyat. Pemilihan bebas ini berbeza-beza.

Dalam sistem demokrasi Malaysia, negara ini dibahagi-bahagikan kepada kawasan pilihanraya. Pemimpin yang dilantik secara demokrasi untuk menerajui parti yang mendapat majoriti kerusi Dewan Rakyat membentuk kerajaan serta memilih menteri kabinetnya di kalangan Ahli Parlimen yang dipilih rakyat. Di Amerika Syarikat, Presiden yang dipilih menerusi pilihanraya, melantik menteri atas pilihannya sendiri sekalipun mereka tidak dipilih oleh rakyat. Ini adalah satu contoh perbezaan dalam amalan demokrasi. Ini bagi menerangkan hakikat bahawa demokrasi boleh ditegak serta diperkembangkan dalam pelbagai bentuk dan cara.

Bukankah angkuh namanya bagi seorang rakyat Britain yang sudah biasa dengan sistem yang menyerupai cara yang diamalkan di Malaysia, untuk mengetepikan sistem demokrasi yang lain, contohnya demokrasi Amerika, semata-mata kerana anggota Kabinet Amerika tidak dipilih oleh rakyat? Juga, bukankah angkuh namanya bagi seorang rakyat Amerika untuk mengetepikan demokrasi Britain semata-mata kerana tidak ada pembahagian dan perimbangan kuasa yang jelas seperti yang wujud dalam perlembagaan Amerika?

Adalah jelas juga bahawa pewarisan pimpinan politik boleh menjadi sah dan produktif selain daripada menerusi pilihanraya umum, walaupun pemimpin yang dilantik secara demokratik umumnya segera mendapatkan mandat rakyat kerana beliau sudah tentu mahu menunjukkan bahawa beliau memimpin atas kehendak rakyat. Ia juga jelas bahawa kepercayaan terhadap demokrasi bukan bermaksud menafikan tanggungjawab pemimpin dan kumpulan yang berkuasa dalam merangka perubahan politik atau mengurus perubahan dalam pimpinan politik. Malah, ia adalah sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab mereka.

Adalah perlu ditegaskan bahawa cara terbaik menghadapi persoalan perubahan pimpinan politik ialah dengan tidak bertindak keterlaluan. Cukuplah sekadar menegur sedikit sebanyak di sana sini dan menyerahkannya kepada amalan sistem demokrasi itu sendiri. Dalam hubungan ini, sumbangan terbesar yang boleh diberi ialah dengan membantu mewujudkan sistem perubahan yang tersusun dan sah yang diperlukan. Ada sekurang-kurangnya empat unsur asas sistem berkenaan.

Unsur pertama dan paling penting ialah satu sistem demokrasi. Unsur kedua ialah pembentukan peraturan undang-undang. Satu syarat utama kemajuan manusia bergantung kepada keadaan aman di tengah perubahan. Unsur asas ketiga bagi mana-mana sistem perubahan pimpinan yang tersusun dan sah ialah pembentukan budaya politik yang sihat.

## Dapat mandat

Keempat ialah, kejayaan membudaya atau menjadikan institusi hidup pelbagai proses serta amalan yang menyekat unsur yang tidak bertanggungjawab serta menunjuk ajar secara berkesan mereka yang mampu untuk memikul beban kepemimpinan. Ia juga sebagai persediaan untuk menjalankan tugas dengan baik serta menghadapi pergolakan dunia politik yang seringkali berubah; ini memastikan keuntungan yang diraih daripada sesuatu kemenangan bukanlah segala-galanya dan harga kekalahan bukanlah sesuatu yang begitu menakutkan.

Malaysia bernasib baik kerana setakat ini ia berupaya menginstitusikan satu sistem yang tersusun rapi dan sah. Tetapi ini tidak pula bererti demokrasi itu tanpa cacatnya. Amalan dan kandungan perundangannya masih belum begitu teguh. Nilai, andaian serta sikap yang dikehendaki belum kuat bersemadi dalam budaya atau institusi politik. Malaysia masih ada kelemahan serta kecacatan dalam amalan dan peraturan politiknya. Bagaimanapun sepanjang hayatnya sebagai sebuah negara moden, Malaysia mempunyai unsur yang mencukupi untuk menjamin peralihan kepemimpinan yang licin.

Justeru itu Malaysia juga berbangga bahawa ia berjaya mencatatkan satu lagi fenomena baru di kalangan negara membangun — pertukaran beberapa pemimpin politik secara teratur dan aman. Semuanya berlaku walaupun dari saat ia mencapai kemerdekaan ada yang meramalkan bahawa politik Malaysia akan dilanda huru-hara. Bagaimanapun Malaysia telah menapak maju begitu jauh dan tidak ada sebab mengapa ia harus mengambil berat soal ahli nujum dan ramalan mereka itu.

Sebagaimana dengan kes Malaysia, ada juga ramalan yang kurang baik mengenai Filipina. Sebenarnya ini adalah sesuatu yang negara-negara Asean — Malaysia, Filipina, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand — terpaksa pikul bersama. Bahawasanya pelbagai ramalan murung dan negatif akan dibuat baginya, beberapa kali pada masa yang lalu dan pada masa depan.

Suatu ketika dahulu, mengikut teori domino, ramai pakar yang yakin Thailand akan tersungkur dulu? Setiap Oktober, timbul kebimbangan ini akan berlaku. Memang terjadi banyak rampasan kuasa di negara itu. Bagaimanapun Thailand selamat daripada diheret ke dalam kancah bencana yang lebih besar.

Tetapi apakah yang sebenarnya berlaku di Thailand hari ini? Dan untuk esok, kita dapat bayangkan wujudnya sebuah Thailand yang dinamik dan kukuh, stabil dan berupaya menghadapi sebarang kesulitan serta bangkit bersama kemajuan yang lebih menyeluruh.



PENGIRAAN undi...rakyat menentukan pemimpin pilihan mereka.